

21/09/2003

`Lupakan hasrat mahu tawan Perlis'

Tuan Nazuri Tuan Ismail; Rashidi Karim

Datuk Seri seperti cuba mengelak daripada menjawab soalan asal.

Saya menjawab soalan saudara. Apa perubahan yang perlu ada? Pak Lah bukan bertanding dengan Dr Mahathir. Ia adalah proses peralihan kuasa bukan melalui pertandingan atau cukup tempoh, kena letak jawatan. Ini perubahan yang dibuat secara harmoni antara Perdana Menteri sekarang dengan bakal Perdana Menteri. Pada pandangan saya, tidak banyak perubahan akan dibuat bagi menghadapi pilihan raya. Perubahan yang ketara pada selepas Oktober ialah semua bekerja keras menghadapi pilihan raya. Orang yang akan isytiharkan pilihan raya ialah Pak Lah. Perubahan paling besar berlaku ialah jentera pilihan raya akan bekerja lebih keras.

Tetapi jika selepas Oktober akan berlaku perubahan besar, wartawan boleh simpan pendapat masing-masing dalam poket. Mungkin orang mengatakan, mengapa tiada perubahan di Perlis? Wartawan selalu tanya saya, takkan tak